

PENGARUH PENGARAH BEBAS DALAM HUBUNGAN ANTARA PEMILIKAN KELUARGA DAN PELAPORAN KELESTARIAN DI MALAYSIA

Zainab Aman & Norsuhaily Bakar

zainab@kuis.edu.my, norsuhaily@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Isu berkaitan kelestarian telah menjadi isu penting yang perlu dilaporkan oleh syarikat bagi memenuhi harapan pihak berkepentingan. Kajian ini dilakukan bagi melihat hubungan di antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat oleh syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Kajian ini juga melihat bagaimana peranan tadbir urus korporat yang bagus dalam mempengaruhi hubungan tersebut. Laporan tahunan sebanyak 780 buah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia telah dianalisa menggunakan kaedah analisa kandungan bagi tiga tempoh iaitu tahun 2014 hingga 2016. Hipotesis kajian dibangunkan berdasarkan teori agensi dan data dianalisa menggunakan analisis regresi linear. Kajian ini mendapati bahawa pemilikan keluarga berhubung dengan secara negatif dengan pelaporan kelestarian korporat. Oleh itu hipotesis 1 adalah disokong. Manakala apabila terdapat pengarah bebas dalam syarikat pemilikan keluarga, dapatan kajian menunjukkan hubungan yang tidak signifikan dengan pelaporan kelestarian korporat. Ini menunjukkan bahawa pengarah bebas tidak mampu mempengaruhi hubungan antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat. Oleh itu, hipotesis 2 adalah ditolak. Pembolehubah saiz lembaga pengarah dan saiz syarikat menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pelaporan kelestarian korporat. Manakala pembolehubah lain seperti CEO dua peranan, pengarah wanita, pemilikan pengarah keuntungan dan leveraj tidak mempengaruhi hubungan antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pihak berkuasa terutamanya dalam menguatkuasakan peraturan bagi meningkatkan kesedaran syarikat tersenarai di Bursa Malaysia dalam membuat pelaporan kelestarian korporat terutamanya oleh syarikat pemilikan keluarga

Kata kunci: Pelaporan kelestarian, pemilikan keluarga, tadbir urus korporat, Pengarah bebas.

1.0 PENGENALAN

Semenjak lebih daripada dua dekad yang lalu isu berkaitan kelestarian telah menarik perhatian banyak pihak seperti pelabur, pelanggan, ahli akademik, kerajaan dan masyarakat. Isu ini menjadi semakin penting kerana tanggungjawab syarikat bukan sekadar memaksimumkan keuntungan pemegang saham tetapi untuk melaksanakan tanggungjawab kelestarian kepada pihak berkepentingan (Laidroo & Sokolova 2015). Pelaporan kelestarian korporat (CSR) diperlukan bagi meningkatkan ketelusan dalam pelaporan maklumat supaya dapat memenuhi keperluan pihak berkepentingan (Gelb & trawser 2001) serta merapatkan jurang ketidaksamarataan maklumat antara syarikat dan pihak yang berkepentingan (Kolk & Pinkse 2010; Qu & Leung 2006).

Pelaporan kelestarian korporat (CSR) boleh digunakan untuk menilai prestasi syarikat, (Gelb & Strawser, 2001; Turker, 2009) menarik perhatian pelabur, membina hubungan dengan orang ramai (Saleh et al., 2010) serta memberikan gambaran bahawa syarikat mempunyai aktiviti kelestarian dan tadbir urus yang bagus (Welford, 2007). Oleh itu, pelaporan kelestarian korporat (CSR) perlulah diintegrasikan dengan tadbir urus yang bagus supaya syarikat menjalankan aktiviti dengan penuh tanggungjawab (Spitzeck, 2009) serta melaporkan tanggungjawab dan aktiviti mereka kepada pihak berkepentingan (Jamali et al., 2008). Kajian lepas menunjukkan hubungan positif antara tadbir urus dan pelaporan kelestarian korporat (Cormier & Magnan, 2014; Jo & Harjoto, 2012; Li & Zhang, 2010; Kolk & Pinkse, 2010; Stuebs & Sun, 2015).

1.1 Pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat di Malaysia

Di Malaysia, pemilikan keluarga mendominasi majoriti syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang mana lebih kurang 70 % syarikat di Malaysia dikuasai oleh syarikat pemilikan keluarga. Menurut Morck dan Yeung (2004), syarikat dikatakan mempunyai pemilikan keluarga apabila pemegang saham terbesar dimiliki oleh ahli keluarga yang mana keluarga memiliki sekurang-kurangnya 10 hingga 20 peratus saham dengan kuasa mengundi. Menurut Chrisman et al. (2004), syarikat dimiliki oleh ahli keluarga apabila terdapat ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah atau melalui ikatan perkahwinan dan mempunyai pegangan saham dalam syarikat serta terlibat dalam pengurusan syarikat. Menurut Faccio dan Lang (2002) syarikat pemilikan keluarga

adalah syarikat yang dikawal oleh individu atau syarikat yang tidak tersenarai iaitu syarikat persendirian.

Menurut teori agensi, pemilikan keluarga akan menggunakan maklumat dalaman untuk membuat keputusan menyebabkan berlakunya ketidaksamarataan maklumat antara pemegang saham syarikat keluarga dan bukan keluarga. Pemilik keluarga akan membuat keputusan dengan mengetepikan kepentingan pemegang saham minoriti dengan mengutamakan kepentingan mereka sendiri (Shleifer & Vishny, 1997, Johnson et al., 2000; Bertrand et al., 2002, Nam, 2001). Oleh itu, terdapat permintaan daripada pemegang saham minoriti supaya syarikat meningkatkan pelaporan maklumat sukarela bagi mengawasi tingkahlaku pemilikan keluarga Abdullah et al (2011).

Pelaporan maklumat seperti pelaporan kelestarian korporat (CSR) biasanya melibatkan kos yang tinggi dan akan mengurangkan kekayaan syarikat. Ini turut menimbulkan konflik antara pemilik keluarga dan pemegang saham minority (Chau & Gray, 2010). Oleh itu, peranan pengarah bebas dalam mempengaruhi hubungan antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat (CSR) adalah penting untuk dikaji bagi memastikan syarikat awam mempraktikkan amalan pelaporan yang telus dan penzahiran, pengawasan dan akauntabiliti serta mengurangkan masalah agensi melalui struktur lembaga pengarah yang berkesan. Kajian berkaitan pemilikan keluarga dan CSR dididapati berhubungan secara positif (Hidalgo dan Salazar (2016), (Gavana et al., 2017). Manakala kebanyakan kajian di Malaysia mendapati pemilikan keluarrga berhubungan secara negatif dengan CSR (Ghazali et al., 2007, Abdullah et al., 2011).

Oleh itu, kajian ini menguji bagaimana peranan pengarah bebas dalam mempengaruhi hubungan antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat (CSR). Kajian ini berbeza dari kajian lepas dari segi: (1) menggunakan data longitudinal bagi tempoh tiga tahun iaitu antara tahun 2014-2016; (2) menguji peranan pengarah bebas dalam mempengaruhi hubungan antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat (CSR); (3) Data CSR adalah lebih menyeluruh iaitu mengkaji aspek sosial, alam sekitar dan ekonomi.

Kajian ini diteruskan dengan Kajian lepas berkaitan CSR diikuti oleh pembentukan hipotesis. Perbincangan seterusnya berkaitan metodologi, analisis, perbincangan dapatan kajian dan kesimpulan.

1.2 Sorotan kajian

Pelaporan kelestarian korporat (CSR) adalah merupakan komitmen syarikat untuk beroperasi bagi menjaga persekitaran ekonomi, sosial dan alam sekitar disamping mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan (Bursa Malaysia, 2008). Kelestarian mestilah dilaporkan dalam laporan tahunan oleh syarikat tersenarai di Bursa Malaysia mulai tahun 2007 yang mana fokus pelaporan merangkumi empat perkara iaitu alam sekitar, persekitaran tempat kerja, pasaran dan masyarakat (Bursa Malaysia, 2006). Oleh itu, pelaporan kelestarian korporat (CSR) dalam kajian ini didefinisikan sebagai pelaporan yang dibuat oleh syarikat di dalam laporan tahunan berkaitan maklumat kelestarian sosial, kelestarian alam sekitar dan kelestarian ekonomi kepada pihak berkepentingan.

Menurut GRI 2013, Pelaporan kelestarian mengandungi tiga terma utama seperti berikut:

EKONOMI	ALAM SEKITAR	SOSIAL
<p>Kesan ekonomi ke atas dan Pihak berkepentingan (contoh: amalan perolehan, Pelaburan komuniti) dan interaksi atau hubungan dengan sistem ekonomi di peringkat tempatan nasional dan global.</p>	<p>interaksi dengan sistem hidupan dan bukan hidupan termasuk tanah, udara, air dan eko-sistem</p>	<p>interaksi dengan sistem sosial dimana ia beroperasi termasuk hubungan dengan masyarakat, pekerja dan pengguna dan lain-lain.</p>

Rajah 1: Terma Pelaporan kelestarian korporat.

(Sumber : GRI 4)

Kajian berkaitan pemilikan keluarga dan CSR didapati berhubung secara positif (Hidalgo dan Salazar (2016), (Gavana et al., 2017)). Manakala kebanyakan kajian di Malaysia mendapati pemilikan keluarga berhubung secara negatif dengan CSR (Ghazali et al., 2007; Abdullah et al., 2011).

1.3 Tadbir urus korporat dan pelaporan kelestarian korporat korporat

Laporan Jawatankuasa Tertinggi Kewangan 1999 mendefinisikan tadbir urus korporat sebagai proses dan struktur yang digunakan untuk mengarah dan mengurus hal ehwal syarikat ke arah meningkatkan kemakmuran perniagaan dan tanggungjawab korporat dengan objektif utama untuk merealisasikan nilai pemegang saham pada jangka panjang, di samping mengambil kira kepentingan pihak berkepentingan yang lain. Pengarah bebas merupakan aspek penting dalam tadbir urus korporat.

Menurut teori agensi, meningkatnya bilangan pengarah bebas dalam lembaga pengarah akan mengurangkan masalah agensi dan meningkatkan kualiti pemantauan dalam syarikat (Jensen & Meckling, 1976). Ini adalah kerana pengarah bebas yang ramai dalam lembaga pengarah boleh meningkatkan tekanan kepada pihak pemilik syarikat untuk melaporkan maklumat dan mengurangkan kos agensi yang wujud (Fama & Jensen, 1983). Dalam syarikat pemilikan keluarga, pemilik juga boleh bertindak sebagai pengurus syarikat. Oleh itu, tingkahlaku yang menugutamakan kepentingan sendiri boleh dipantau melalui kewujudan pengarah bebas dalam syarikat pemilikan keluarga. Pengarah bebas boleh mengawasi aktiviti pemilikan keluarga yang mungkin melakukan aktiviti yang tidak mengutamakan kepentingan sosial. Oleh itu kehadiran pengarah bebas dalam syarikat pemilikan keluarga boleh membantu mempengaruhi keputusan pemilikan syarikat untuk membuat pelaporan kelestarian bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan dalam syarikat (Shamil et al., 2014).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Kerangka Teoritikal

Isu berkaitan tadbir urus seperti mekanisma pengawasan sangat mempunyai kaitan dengan teori agensi. Jensen dan Meckling (1976) mendefinisikan hubungan tersebut sebagai kontrak yang wujud antara seorang atau lebih (prinsipal) dengan seorang yang lain (agen) yang mana agen akan menjalankan tugas bagi pihak prinsipal melibatkan pengagihan kuasa dan pembuatan keputusan kepada agen. Namun, dalam struktur pemilikan tertumpu seperti Malaysia, hubungan yang wujud adalah antara prinsipal dan prinsipal. Apabila berlaku perbezaan kepentingan antara pemilikan keluarga dan pemegang saham minoriti, maka pemilikan keluarga akan mengeksploitasi

kepentingan pemegang saham minoriti untuk kepentingan mereka sendiri. Maka, menurut teori agensi, Peningkatan pelaporan CSR dijangkakan akan mengurangkan konflik antara prinsipal dan prinsipal.

Oleh itu, kajian ini menjangkakan bahawa pengarah bebas berupaya mempengaruhi hubungan antara pemilikan keluarga dan CSR. Pengarah bebas memainkan peranan untuk mengurangkan kos agensi (Fama & Jensen, 1983). Pengarah bebas dijangkakan mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan ketelusan syarikat membuat pelaporan dan melindungi kepentingan pihak berkepentingan (Michelon and Parbonetti, 2012). Melalui pelaporan CSR dalam laporan tahunan, dijangkakan akan dapat mengurangkan asimetri maklumat sekaligus memberi perlindungan kepada kepentingan pemegang saham minoriti.

Berdasarkan teori agensi, dua hipotesis dibentuk seperti berikut:

a) Pembinaan hipotesis

i. Pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat

Menurut Ghazali dan Weetman (2006), mempunyai ahli keluarga dalam lembaga pengarah boleh mengurangkan masalah agensi memandangkan ahli keluarga lebih mengetahui tentang aktiviti syarikat yang membolehkan mereka mempunyai pengawasan yang bagus ke atas pengurus (Ghazali & Weetman, 2006) termasuklah ahli keluarga yang mempunyai kepentingan ekuiti dalam syarikat serta mempunyai horizon pelaburan jangka panjang berbanding pelabur lain (Kwak, 2003). Wujudnya kumpulan pemegang saham yang dominan yang mempunyai pegangan saham yang banyak membolehkan mereka mempunyai akses terhadap maklumat dalaman syarikat menyebabkan mereka mempunyai kurang insentif untuk melaporkan maklumat kepada pelabur luar dan pihak berkepentingan yang lain. (Darus et al., 2009). Justeru itu, keperluan untuk pelaporan tambahan akan berkurang. Ini menyebabkan rendahnya pelaporan sukarela oleh pengurusan syarikat. Kajian lepas melaporkan hubungan yang negatif antara ahli keluarga dalam lembaga pengarah dengan tahap pelaporan sukarela (Ho & Wong, 2001; Haniffa & Cooke, 2002).

Bukti empirikal dari kajian Chau & Gray, 2002; Ali et al., 2007; Abdullah et al., 2011; Darmadi & Sodikin, 2013) mendapati hubungan negatif antara syarikat milik keluarga dan tahap pelaporan sukarela. Oleh itu, hipotesis yang dicadangkan adalah:

H1: Pemilikan keluarga berhubungan secara negatif dengan tahap pelaporan lestari di Malaysia.

ii. Pengarah bebas dalam hubungan antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat

Syarikat pemilikan keluarga berhadapan dengan konflik antara pemilik keluarga dan pemegang saham minoriti (Abdullah et al., 2011). Menurut teori agensi, pengarah luar adalah lebih professional dari segi mengawasi pengurusan syarikat (Fama & Jensen, 1983). Mereka juga adalah penasihat yang bagus dan boleh memainkan peranan penting dalam meminimalkan konflik antara pemegang saham majoriti dan minoriti (Anderson & Reeb, 2004). Pengarah bebas mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan transparensi syarikat serta melindungi kepentingan pemegang saham (Michelon & Parbonetti, 2012) terutamanya dalam syarikat pemilikan keluarga. Lebih ramai pengarah bebas, maka lebih banyak pelaporan kelestarian yang dibuat oleh syarikat pemilikan keluarga. Kenyataan ini disokong oleh kebanyakan kajian lepas yang mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara pengarah bebas dan pelaporan kelestarian (Leung & Horwitz, 2004; Cheng & Courtenay, 2006; Cerbioni & Parbonetti, 2007; Htay et al., 2012; Rao et al., 2012).

Oleh itu hipotesis kajian ini mencadangkan

H2: Terdapat hubungan positif antara pemilikan keluarga dan pelaporan lestari apabila syarikat mempunyai ramai bilangan ahli lembaga pengarah bebas.

2.2 Kaedah Persampelan

Kajian ini bertujuan untuk menguji peranan pengarah bebas dalam mempengaruhi hubungan antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah pelaporan kelestarian korporat (CSR) yang diukur menggunakan indeks pendedahan. Kaedah persampelan adalah menggunakan persampelan rawak mudah yang mana

jumlah sampel adalah sebanyak 780 syarikat bagi tiga tahun iaitu tahun 2014 hingga 2016. Kaedah ini konsisten dengan kajian lepas iaitu Clarkson (2008) and Aras et al. (2010).

2.3 Pengukuran Pembolehubah

Kajian ini menggunakan indeks pendedahan yang dibangunkan oleh Sutantoputra (2009) dan Clarkson et al. (2008) yang mana jumlah skor adalah 83 bagi pelaporan kelestarian sosial dan alam sekitar, dan 15 bagi ekonomi dan berdasarkan garis panduan *Global Reporting Initiative (GRI)*2.. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Setiap penunjuk yang melaporkan maklumat berkaitan kelestarian akan diberikan kod 1 dan sebaliknya kod 0 diberikan sekiranya maklumat kelestarian tidak dilaporkan (Gao & Bansal, 2013; Ioannou & Serafeim, 2014; Nazli et al., 2013). Penggunaan GRI telah mendapat pengiktirafan secara meluas yang mana kebanyakan syarikat telah menggunakan kerangka kerja tersebut dalam membuat pelaporan sukarela korporat (Raiborn et al., 2011).

Jadual 1: Pengukuran Pembolehubah Kajian

Pembolehubah	=	Pengukuran
Tahap pelaporan lestari (PL)	=	Garis panduan kelestarian Bursa Malaysia 2017 1 jika terdapat maklumat berkaitan pelaporan kelestarian 0 jika tiada maklumat berkaitan pelaporan kelestarian
Pemilikan keluarga (PK)	=	1 jika syarikat pemilikan keluarga, 0 jika bukan syarikat pemilikan keluarga
Saiz Ahli Lembaga Pengarah		Bilangan pengarah dalam ahli lembaga Pengarah(Said et al.2009)
Ketua Pegawai Eksekutif(CEO) dua peranan		1 jika CEO dan pengerusi adalah orang yang sama, 0 jika sebaliknya)
Pengarah wanita		nisbah pengarah wanita dalam lembaga pengarah
Pengarah bebas		Nisbah pengarah bebas
Saiz syarikat (SIZE)	=	Log jumlah aset
Pemilikan pengarah	=	Jumlah saham yang dimiliki pengarah

(BODSH)		
Keuntungan (PRFT)		Pulangan atas jumlah aset : $\frac{\text{Keuntungan selepas cukai}}{\text{Jumlah aset}} \times 100$
LEVERAJ (LEV)		nisbah jumlah liabilititi kepada jumlah aset (Chou et al.2013; Uyar & Kilic 2012).

2.4 Model Regresi

Model analisis regresi dijalankan untuk menyediakan bukti empirical bagaimana pengaruh bebas mempengaruhi hubungan antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian korporat. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini adalah pelaporan kelestarian korporat (CSR). Pemboleh ubah tidak bersandar adalah pemilikan keluarga. Pemboleh ubah pemoderat adalah pengaruh bebas (BIND). Pemboleh ubah kawalan dalam kajian ini adalah saiz lembaga pengarah (BSIZE), CEO *duality* (DUAL), pengaruh wanita (WD), saiz syarikat (COSIZE), keuntungan(PRFT) dan leveraj (LEV). Berikut adalah model kajian yang digunakan dalam kajian ini:

Model kajian yang dibentuk adalah berdasarkan kajian lepas (Dharmadi & Sodikin, 2013) seperti berikut:

Model 1

$$PL = \beta_0 + \beta_1 FF + \beta_2 BIND + \beta_3 BODSIZE + \beta_4 CSIZE + \beta_5 WOB + \beta_6 DUAL + \beta_7 BODSH + \beta_8 PRFT + \beta_9 LEV + \epsilon \dots$$

.....(1)

Model 2

$$PL = \beta_0 + \beta_1 FF + \beta_2 BIND + \beta_3 FF * BIND + \beta_3 BODSIZE + \beta_4 CSIZE + \beta_5 WOB + \beta_6 DUAL + \beta_7 BODSH + \beta_8 PRFT + \beta_9 LEV + \epsilon \dots$$

.....(2)

Dimana:

PL = Pelaporan kelestarian

FF = Pemilikan keluarga

BIND= Pengaruh Bebas

BODSIZE= Saiz Lembaga Pengarah

DUAL= CEO Dua Peranan

CSIZE= Saiz Syarikat

BODSH= Pemilikan Pengarah

WOB= pengarah wanita

PRFT = keuntungan

LEV= leveraj

β_1 - β_9 = Regression Coefficient

C = Ralat Model

3.0 DAPATAN KAJIAN

3.1 Isu multikolariti

Korelasi pearson digunakan bagi menguji isu multikolariti antara pembolehubah. Jadual 2 menunjukkan korelasi adalah antara 0.021 to 0.417. Isu multikolariti masih di dalam kawalan kerana masih dibawah 0.80 (Cooper & Schindler, 1998; Griffiths, Hill & Judge, 1993).

Jadual 2: Ujian Korelasi (N=780).

	CSR	Bsize	Dual	Csize	Prft	Lev	Wob	Fob	Bod	Bind
CS R	1									
Bsiz e	0.163**	1								
Dua l	0.024	0.012	1							
Csi ze	0.223**	0.227*	0.058*	1						
Prft	0.102**	0.216	0.278*	0.121*	1					
Lev	0.031	0.140	0.119	0.019	0.008	1				
Wo b	0.312**	0.122	0.134	0.054	0.192*	0.136	1			
Fob	0.122**	0.217*	0.235	0.203**	0.192	0.279	0.159	1		
Bod	0.163	0.252*	0.02	0.103	0.287	0.167	0.055	0.232	1	
Bin d	0.206	0.180*	0.073	0.108**	0.161	0.186	0.114	0.120*		1

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

* Korelasi signifikan pada tahap 0.05

Jadual 3: Keputusan Model Analisis Regresi

	Model 1	Model 2
Konstan	(-1.763)***	(-2.795)***
FF	-0.144 (-3.677)***	-0.148 (-2.565)**
Bsize	0.199 (5.315)***	0.201 (35.396)***
Cosize	0.194 (4.945)***	0.196 (2.008)***
Leverage	0.011 (0.323)	0.013 (0.357)
WOB	1.330 (1.241)	3.076 (2.597)
Dual	0.636 (1.013)	0.197 (0.251)
Board sh	-0.087 (-2.479)	-0.017 (-0.065)
Bind		8.272 (3.170)**
Bind xFFbind		-0.008 (-0.183)

R ²	0.193	0.219
Perubahan R ²	0.193	0.219
R ² Terlaras	0.171	0.207
Nilai F	8.609	8.505
Nilai P	0.000	0.000

Nota *** signifikan pada 0.01, ** signifikan pada 0.05, signifikan pada 0.10

4.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Jadual 3 menunjukkan bahawa Model 1 adalah signifikan pd nilai $p = 0.079$ dengan nilai nilai F adalah 8.609. R^2 terlaras adalah 17.1% (0.171), menerangkan hanya 17% daripada hubungan tersebut diterangkan oleh pembolehubah yang diuji dalam kajian. Berdasarkan jadual 3, menunjukkan bahawa pemilikan keluarga mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan pelaporan kelestarian. Oleh itu hipotesis 1 adalah diterima.

Hasil daripada analisis regresi menunjukkan bahawa pemilikan keluarga berhubung secara negatif dan signifikan dengan pelaporan kelestarian dengan nilai koefisyen 0.000 ($t = -3.96$). Hasil dapatan kajian menyokong H1 yang mana apabila terdapat semakin banyak pemilikan keluarga dalam syarikat tersenarai di Bursa Malaysia, tahap pelaporan kelestarian semakin kurang. Kajian ini konsisten dengan kajian Ghazali et al. 2007, Darmadi et al. 2015

Merujuk kepada Jadual 3 (model 2), R^2 terlaras = 0.207 dengan nilai $F = 8.505$ pada tahap $p = 0.000$. Ini menunjukkan bahawa tanpa pembolehubah interaksi, 20% perubahan dalam pelaporan kelestarian diterangkan oleh semua pembolehubah dalam model 1. Selepas mengambilkira pembolehubah interaksi (model 2), R^2 terlaras meningkat kepada kepada 0.129. Pembolehubah interaksi menunjukkan tahap pelaporan kelestarian korporat dalam model 2 masih lagi 13%. Ini menunjukkan bahawa apabila terdapat pengarah bebas dalam syarikat pemilikan keluarga, ianya tidak berupaya mempengaruhi tahap CSR. Oleh itu H2 adalah ditolak. Dapatan kajian ini selari dengan (Meng, 2009) dan Abdullah et al., (2011) yang mendapati bahawa pengarah bebas tidak berupaya menjalankan tugasnya berkaitan pelaporan kelestarian korporat secara efektif kerana kurang bebas.

Terdapat enam pembolehubah kawalan yang diuji dalam model 1 yang mana hanya saiz lembaga pengarah dan saiz syarikat mempunyai hubungan signifikan dengan pelaporan kelestarian. Saiz lembaga pengarah mempunyai nilai signifikan pada nilai $p < 0.05$ dengan koefisyen 0.003 (0.346). Manakala saiz syarikat mempunyai nilai signifikan pada nilai $p = 0.01$ dengan koefisyen 0.001 (1.098). Saiz syarikat merupakan faktor penting dalam menentukan tahap pelaporan kelestarian. Dapatan kajian menyokong kajian lepas yang mendapati bahawa saiz syarikat adalah faktor yang mempengaruhi pelaporan kelestarian (Abdullah et al., 2011).

Saiz lembaga pengarah mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan pelaporan kelestarian. Dapatan ini konsisten dengan kajian lepas (Mallin et al., 2013) Ini bermaksud

bahawa semakin ramai lembaga pengarah syarikat, maka semakin tinggi tahap pelaporan kelestarian syarikat. Manakala CEO dua peranan, pengarah wanita, pemilikan pengarah, keuntungan dan leveraj tidak mempunyai hubungan yang signifikan dan tidak mempengaruhi CSR.

5.0 KESIMPULAN

Analisis yang dijalankan mendapati bahawa kedua-dua hipotesis diterima. Hipotesis 1 disokong yang mana terdapat hubungan yang negatif antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian. Manakala H2 tidak disokong apabila dapatan kajian menunjukkan bahawa pengarah bebas mempengaruhi hubungan antara pemilikan keluarga dan pelaporan kelestarian. Namun apabila terdapat pengarah bebas dalam syarikat pemilikan keluarga, didapati ianya tidak mempengaruhi pelaporan kelestarian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kehadiran pengarah bebas dalam lembaga pengarah hanya mengambilkira kepentingan pemilik keluarga berbanding kepentingan pemegang saham minoriti. Pengarah bebas juga dilihat tidak mahir dalam operasi syarikat serta tidak berupaya mempengaruhi majoriti pengarah dalam membuat keputusan berkaitan pelaporan kelestarian (Abdullah et al., 2011).

RUJUKAN

- Abdullah, S., Mohamad, R., & Mukhtar, M. (2011). Board independence, ownership and corporate social responsibility of Malaysian large firms. *Corporate Ownership & Control*, 8(2).
- ACCA. (2005). Sustainability Reporting Guidelines for Malaysian Companies.
- Accountants Today, Malaysia, March (2006). ACCA launches a new name for its sustainability awards. February 2009.
- Ahmad, Z., Hassan, S. & Mohammad, J. (2003). Determinants of Environmental Reporting in Malaysia. *International Journal of Business Studies*, 11(1), 69-90.
- Aras, G., Aybars, A. & Kutlu, O., (2010). Managing corporate performance investigating relationship between corporate social responsibility and financial performance in emerging markets. *International Journal of productivity and performance management*, 59(3), 229-254.
- Amran, A., Devi, S., S. (2008). The impact of government and foreign affiliate influence on corporate social reporting. The case of Malaysia. *Managerial Auditing Journal*, 23(4), 386-404.
- Buniamin, S. (2010). The Quantity and Quality of Environmental Reporting in Annual Report of Public Listed Companies in Malaysia. *Issues in Social and Environmental Accounting*, 4(2), 115-135.
- Campbell, D., Craven, B. & Shrides, P. (2003). Voluntary social reporting in three FTSE sectors: a comment on perception and legitimacy. *Accounting, Auditing and Accountability Journal*, 16(4), 558-581.
- Chau, K.G. and Gray, J.S. (2002) Ownership structure and corporate voluntary disclosure in Hong Kong and Singapore, *The International Journal of Accounting*, 37, 247-265.
- Clarkson, P.M., Li, Y., Richardson, G.D. & Vasvari, F.P., (2008), Revisiting the relation between environmental performance and environmental disclosure: an empirical analysis. *Accounting, Organizations and Society*, 33(4), 303-327.
- Cooper, D.R., & Schindler, P.S., (1998) *Business Research Method*, 8th Ed. McGraw Hill Companies, Inc: New York.
- Corina Joseph (2014). Understanding sustainable development concept in Malaysia. *Social Responsibility Journal*, 9(3), 441-453.
- Cormier, D., & Gordon, I. M. (2001). An examination of social and environmental reporting strategies. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 14(5), 587-616.
- Debceny, R., Gray, G. L., & Rahman, A. (2002). The determinants of internet financial reporting, *Journal of Accounting and Public Policy*, 21, 371-394.
- Deegan, C. (2002). Introduction: The Legitimizing Effect of Social and Environmental Disclosures. A Theoretical Foundation, *Accounting, Auditing and Accountability Journal*, 15(3), 282-311.
- Eng, L.L., & Mak, Y.T. (2003) Corporate governance and voluntary disclosure, *Journal of Accounting and Public Policy*, 22, 325-345.
- Fama, E.F., & Jensen, M.C. (1983) Separation of ownership and control *Journal of Law and Economics*, 25, 301-326.
- Freeman, R.E., 1984. *Strategic management: A stakeholder approach*. New York: Basic Books.
- Gimenez, C., Sierra, V., & Rodon, J. (2012). Sustainable operations: Their impact on the triple bottom line. *International Journal of Production and economic*, 140:149-159.
- GRI (2013), "G4 global reporting initiative", pp. 1-94, available at: www.globalreporting.org/reporting/g4/Pages/default.aspx (accessed March 20, 2015)

- Gul, F.A. (1999) Government ownership, investment opportunity set and corporate policy choices in China, *Pacific-Basin Finance Journal*, 7, 157-172.
- Griffiths, W.E., Hill, R.C. & Judge, G.G. (1993) *Learning and Practicing Econometrics*, John Wiley & Sons: New York.
- Hahn., R & Kühnen., M (2013). Determinants of sustainability reporting: a review of results, trends, theory, and opportunities in an expanding field of research. *Journal of Cleaner Production* 59: 5-21.
- Haniffa, R.M., & Cooke, T.E., (2002) Culture, corporate governance and disclosure in Malaysia corporations, *Abacus*, 38, 317-349.
- Haron, H., Yahya, S., Manasseh, S., & Ismail, I. (2006). Level of Corporate Social Disclosure in Malaysia. *Malaysian Accounting Review*, 5(1), 159-184.
- Hossain, M., Tan, L.M.D. & Adam, M., (1994) Voluntary disclosure in an emerging capital market: Some empirical evidence from companies listed on the Kuala Lumpur Stock Exchange, *The International Journal of Accounting*, 29(4), 334–351.
- Hussainey, K., & Walker, M., (2009). The effects of voluntary disclosure policy and dividend propensity on prices leading earnings, *Accounting and Business Research*. 39 (1), 37–55.
- Isaksson, R., & Steimle, U. (2009). What does GRI- Reporting Tell Us About Corporate Sustainability? *The TQM Journal*, 21(2), 168–181.
- Jaffar, R. (2006). The Environmental Reporting Practice of ‘Environmentally Problematic Companies’ in Malaysia. *The International Journal of Accounting, Governance and Society*, 1, 37-47.
- Jensen, M.C., & Meckling, W.H., (1976) Theory of the firm, managerial behaviour, agency costs and ownership structure, *Journal of Financial Economics*, 3(4), 305-361.
- Kelton, A.S. & Yang, Y., (2005) The impact of corporate governance on internet financial reporting, *Journal of Accounting and Public Policy*, 27, 62-87.
- KPMG & G100 2008. *Sustainability Reporting - A Guide*. Melbourne: KPMG Australia & The Group of 100.
- Manaf, A. N. A., Atan. R. & Mohamed, N., (2006). Environmentally Sensitive Companies Social Responsibility And Reporting: A Study Of Malaysian Companies. A paper presented at the 5th Australasian Conference on Social and Environmental Accounting Research, 22 - 24 November: Sydney.
- Manasseh, S. 2004. *Study On The Level Of Corporate Social Disclosure Practices In Malaysia*. Master’s, Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Ghazali, N. A. (2007). Ownership Structure and Corporate Social Responsibility Disclosure: some Malaysian evidence. *Corporate Governance*, 7(3), 251-266.
- Mohd-Nasir, N.A., & Abdullah, S.N. (2004), Voluntary disclosure and corporate governance among financially distressed firms in Malaysia, *Financial Reporting, Regulation and Governance*, 3(1).
- Mohamed-Zain, M., & Janggu, T., (2006), Corporate Social Disclosure (CSD) of Construction Companies in Malaysia, *Malaysian Accounting Review*, 5(1), 85-114.
- Nazli, A.M.G., & Weetman, P. (2006) Perpetuating traditional influences: Voluntary disclosure in Malaysia following the economic crisis, *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 15(2), 226–248.
- Patten, D., & Trompeter, G., (2003), Corporate responses to political costs: an examination of the relation between environmental disclosure and earnings management, *Journal of Accounting and Public Policy*, 22(1), 83-94.

- Peiyuan, G., Xubiao, Z., & Ningdi, W. (2007), Study of Sustainability Reporting in China a Journey to Discover Values, China Business Council For Sustainable Development, Beijing.
- Raar, J. (2002). Environmental Initiatives: Towards Triple – Bottom Line Reporting, *Corporate Communications: An International Journal*, 7(3), 169-183.
- Ramasamy, B., & Ting, H.W., (2004). A Comparative Analysis of Corporate Social responsibility awareness: Malaysian and Singaporean firms. *Journal of Corporate Citizenship*, 13, 109-123.
- Said, R., Zainuddin, Y. H., & Haron, H. (2009). The Relationship between Corporate Social Responsibility Disclosure and Corporate Governance Characteristics in Malaysian Public Listed Companies. *Social Responsibility Journal*, 5(2), 212-226.
- Saleh, M., Zulkifli, N., & Muhamad, R. (2010). Corporate Social Responsibility Disclosure and its Relation on Institutional Ownership: Evidence from Public Listed Companies in Malaysia. *Asian Journal of Finance & Accounting*.
- Sharifah Buniamin. The Quantity and Quality of Environmental Reporting in Annual Report of Public Listed Companies in Malaysia. *Issues in Social and Environmental Accounting*, 4(2), 115-135.
- Short, H., Zhang, H., & Keasey, K., (2002) The link between dividend policy and institutional ownership, *Journal of Corporate Finance*, 8, 105-122.
- Shawwarn, T., (2004). Determinants of Corporate Social Reporting In Malaysia. MSc Unpublished Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Smith, B. & Peppard, D., (2005) Internet financial reporting: benchmarking Irish PLCs against best practice, *Accountancy Ireland*, 37(6).
- Sutantoputra, (2009). Social disclosure rating system for assessing firms CSR reports. *Corporate Communication and International Journal*, 14 (1), 34 – 48.
- Suttipun, M., & Patricia, S., (2012). *Procedia Economics and Finance* 2 , 9-18.
- Wilmshurst, T. D. & Frost, G. F., (2000) Corporate environmental reporting: a test of legitimacy theory. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 13(1), 10–26.
- Xiao, J.Z., Yang, H. & Chow, C.W. (2004) The determinants and characteristics of voluntary internet-based disclosures by listed Chinese companies, *Journal of Accounting and Public Policy*, 23, 191-225.